

<b>Headline</b>	<b>Pengiktirafan UNESCO Taman Negara Niah banggakan Sarawak</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Borneo Sarawak</b>		
<b>Date</b>	<b>30 Jul 2024</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>News</b>	<b>Circulation</b>	<b>31,034</b>
<b>Page No</b>	<b>2</b>	<b>Readership</b>	<b>93,102</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>111 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 827</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily (EM)</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 2,482</b>



## Pengiktirafan UNESCO Taman Negara Niah banggakan Sarawak

**BINTULU:** Pengiktirafan Taman Negara Niah sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) pada Mesyuarat Jawatankuasa Warisan Dunia Ke-46 baru-baru ini menjadi kebanggaan negara ini khususnya rakyat Sarawak,

tertua di Malaysia itu.

"Sebagai sebuah gua batu kapur yang terbesar di dunia, Gua Niah menyimpan seribu satu khazanah alam yang amat kaya dengan nilai sejarah serta biodiversitinya termasuk lukisan mural prasejarah serta keajaibanalam semulajadi yang mengagumkan," ujarnya dalam satu kenyataan semalam.

kata Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia Datu Seri Tiong King Sing.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bintulu berkata, dengan pengiktirafan tersebut sekali gus dijangka berupaya menarik perhatian para pengembara dari dalam dan luar negara untuk menjalankan siri jelajah ke gua terbesar dan

Malaysia kini sedang berusaha mencalonkan beberapa lagi kawasan di negara ini untuk dijadikan tapak warisan dunia UNESCO termasuk Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) di Kuala Lumpur, Taman Negeri Royal Belum di Perak dan Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) di Sungai Buloh, Selangor.

Jelasnya, sebagai sebuah gua yang dilindungi sepenuhnya UNESCO, dalam masa sama akan meningkatkan lagi industri pelancongan Sarawak sekali gus menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk datang berkunjung ke negeri ini.

Dalam pada itu kata Tiong,

"Saya pada masa sama melahirkan penghargaan serta terima kasih kepada agensi berkaitan sama ada di peringkat persekutuan maupun negeri atas sokongan serta kerjasama diberikan bagi memudahkan semua urusan berkaitan pengiktiran tapak bersejarah di negara ini," tambahnya.

Menurutnya, pengiktirafan ini sudah pasti sebagai permu-laan yang memberangsangkan kerana ia bukan sahaja menjadi tarikan pelancongan, namun pada masa sama akan memastikan warisan serta tapak bersejarah di negara ini akan terus dilindungi dan diturunkan kepada generasi akan datang.